

SALASILAH SANAD KITAB TURATH HADIS TOKOH ULAMA KELANTAN TUAN GURU HAJI ABDULLAH LUBOK TAPAH (1933-2008)

**Farhah Zaidar Binti Mohamed Ramli, Mohd Hasbie Al-Shiddieque
Ahmad & Siti Mursyidah Mohd. Zin**

Faculty of Islamic Civilization Studies, International Islamic University College of
Selangor (KUIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Telp.: 010-
5148069. Email: farhahzaidar@kuis.edu.my

Abstrak

Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah merupakan seorang tokoh ulama Negeri Kelantan yang masyhur dikenali di Asia Tenggara khususnya di Malaysia. Beliau mewarisi Pondok Lubok Tapah iaitu sebuah institusi pengajian non formal terkenal di Negeri Kelantan yang diasaskan oleh bapanya yang bernama Tuan Guru Haji Abdul Rahman. Justeru makalah ini bertujuan untuk memperdalamkan lagi kajian berkaitan satu aspek yang jarang disentuh iaitu susur galur sanad kepada kitab-kitab turath hadis yang dimiliki oleh tokoh ini. Berdasarkan metode analisis kandungan terhadap kitab Subul al-Sa'adah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq 'Abdullah bin al-Marhum al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Kalantani, makalah ini menemui sejumlah 36 buah koleksi kitab turath hadis yang diriwayatkan secara bersanad oleh tokoh daripada 10 orang guru beliau sehingga sampai kepada pengarang-pengarang asal kitab-kitab berkenaan. Kemuncak rantaian sanad kepada kitab-kitab turath hadis ini jelas kembali bertaut kepada sumber mutlak hadis iaitu Rasulullah SAW. Al-Musnid al-Dunya Syeikh Yasin al-Fadani dikenal pasti sebagai guru riwayat utama kepada tokoh berasaskan penemuan saluran terbanyak iaitu 44 saluran yang melibatkan 30 buah kitab turath hadis. Saluran-saluran tersebut adalah lima buah kitab sahih menerusi 11 saluran, empat buah kitab sunan menerusi sembilan saluran, 10 buah kitab musnad menerusi 12 saluran dan 11 buah kitab hadis dalam lain-lain kategori menerusi 12 saluran. Implikasi daripada periwayatan sanad tokoh dan pendokumentasiannya adalah tertakluk kepada tiga dasar utama konseptual pengajian ilmu wahyu iaitu baqa' al-silsilah, al-asanid ansab al-kitab dan al-isnad min al-din. Ketiga-tiga dasar ini masih dipelihara dalam kalangan ilmuwan Islam turun temurun sehingga kini agar tidak terjejas dengan peredaran zaman.

Kata kunci: *Salasilah, sanad, kitab turath, hadis, Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah.*

**(THE GENEALOGY OF SANAD HADITH OF THE KELANTANESE
PROMINENT SCHOLAR TUAN GURU HAJI ABDULLAH LUBOK TAPAH
(1933-2008))**

Abstract

Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah is a prominent Kelantanese scholar known in Southeast Asia, especially in Malaysia. He inherited Pondok Lubok Tapah, an informal education institution well-known in Kelantan which was founded by his father named Tuan Guru Haji Abdul Rahman. Thus, this paper aims to deepen research on an aspect that is rarely touched which is sanad (chain) to the turath (manuscripts) of Hadith owned by this figure. Based on the analysis method of the content of the Subul al-Sa'adah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq 'Abdullah bin al-Marhum al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Kalantani book, this paper found a total of 36 kinds of the hadith manuscript collection narrated with sanad by the figure from 10 of his teachers, up to the original authors of the books in question. The peak of the sanad of the hadith manuscript clearly linked back to the absolute source of hadith which is the Prophet Rasulullah SAW. Al-Musnid al-Dunya Sheikh Yasin al-Fadani is identified as the main history teacher to the figure based on the discovery of the biggest channels of 44, involving 30 books of hadith manuscripts. The channels are five authentic books through 11 channels, four sunan books through nine channels, 10 musnad books through 12 channels and 11 hadith books in other categories through 12 channels. Implications of the figure's sanad narration and its documentation is subject to three major basic conceptual of wahyu studies, which are baqa' al-silsilah, al-asanid ansab al-kitab and al-isnad min al-din. All three of these policies are still preserved among Islamic scholars for generations until now so as not to be affected by the passage of time.

Keywords: *Genealogy, sanad, hadith, manuscripts, Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah*

Received: February 8, 2017

Accepted: July 23, 2017

Online Published: December 30, 2017

1. Pengenalan

Kegiatan dokumentasi dan penyelenggaraan salasilah *sanad* kitab yang bersambungan sehingga sampai kepada para pengarang kitab-kitab *turath* pengajian Islam yang berteraskan wahyu al-Quran dan hadis masih lagi berlangsung sehingga kini di seluruh pelusuk dunia Islam termasuk di benua Asia Tenggara (Mohd. Khafidz et. al., 2016: 429-431). Ianya diusahakan oleh para ahlinya yang lebih dikenali sebagai *al-musnid* (al-Asl, 1982: 5-6). Manakala karya *sanad* tersebut dikenali sebagai *al-thabat* atau beberapa istilah lain yang berbeza tetapi mempunyai maksud yang sama iaitu *al-mashyakhah*, *al-ma'ajim*, *al-fahrasah*, *al-barnamaj*, *al-musalsalat* dan *al-awa'il* (al-Kattani, 1982: 67). Dalam konteks pengajian hadis, karya *al-thabat* atau *al-athbat* (kata *jama'*) merupakan kategori kitab yang merekodkan *sanad* bagi kitab-kitab yang dibacakan serta didengari

oleh penyusun di hadapan para guru. *Al-Thabat* juga pada asalnya merupakan karya yang mengumpulkan *al-ijazat* yang telah diperolehi oleh seseorang penuntut ilmu daripada para guru bagi meriwayatkan kitab-kitab hadis (al-Ghawri, 2007: 53). Lazimnya penyusun *al-thabat* dikenali sebagai *al-musnid* iaitu seseorang yang melakukan penambahan periwayatan menerusi pengetahuan terhadap *al-ma'ajim*, *al-athbat* dan *al-faharis* serta prihatin dalam menerima *al-musalsalat* dan memiliki banyak periwayatan daripada para guru (Mahmud Sa'ad Muhammad Mamduh, 2009:16 &19).

2. Metodologi Kajian

Sehubungan dengan itu, makalah ini bertujuan untuk menganalisis susur galur *sanad* kepada 36 buah kitab *turath* hadis yang diriwayatkan oleh Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah daripada 10 orang guru beliau sehingga sampai kepada pengarang-pengarang asal kitab-kitab berkenaan. Ianya sebagaimana yang didokumentasi dan diselenggarakan oleh anak muridnya selaku *al-musnid* dalam konteks ini iaitu Ustaz Mohd. Zaidi bin Abdullah (2002) dalam sebuah kitab *al-thabat* yang diberi judul *Subul al-Sa'adah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq 'Abdullah bin al-Marhum al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Kalantani*. Ini adalah subjek kajian berkaitan analisis salasilah *sanad* kitab *turath* hadis tokoh telah dikenal pasti sebagai antara skop kajian yang masih terpencil serta kurang didedahkan.

Kajian ini juga merupakan kajian kualitatif daripada jenis kajian kes. Instrumen pengumpulan data adalah secara analisis kandungan serta metode analisis data pula adalah secara deskriptif. Berdasarkan analisis kandungan sumber primer iaitu *Subul al-Sa'adah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq 'Abdullah bin al-Marhum al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Kalantani* dan lain-lain sumber sekunder, kajian menemui sembilan dapatan yang diperbincangkan sebagaimana berikut.

3. Profil Tokoh

Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah atau nama lengkapnya Haji Abdullah bin Haji Abdul Rahman bin Che Wan bin Senik bin Haji Muhammad bin Lebai Abdul Latif bin Abdullah adalah dilahirkan pada 11 Februari 1933 di Pondok Lubok Tapah, Kelantan Darulnaim (Raja Nur Afida 2009: 45). Beliau merupakan ulama Kelantan terbilang yang pernah dikurniakan anugerah Tokoh Maal Hijrah Peringkat Negeri Kelantan pada 9 Februari 2005. Beliau banyak berjasa dalam penyebaran dan pengajaran ilmu agama di Kelantan. Antara jawatan penting yang dipegang oleh beliau adalah Anggota Jemaah Ulamak Majlis Agama Islam Negeri Kelantan semenjak tahun 1969 sehingga 2008 (Anon, 2009).

Tokoh ini meninggal dunia pada tahun 2008 pada usia 75 tahun. Beliau merupakan tokoh ulama Kelantan yang disegani dan menjadi pakar rujuk segenap lapisan masyarakat khususnya dalam ilmu fiqh. Ketokohan dan penguasaan ilmu beliau adalah tinggi

sejajar dengan hasil kesungguhan serta dedikasi beliau menuntut ilmu agama sebelum ini iaitu selama lebih kurang 14 tahun di Masjid al-Haram, Mekah semenjak tahun 1953 hingga tahun 1966. Ketokohan beliau juga berjaya dibina sejajar dengan kehebatan ilmu para guru *talaqqi* di Mekah tersebut serta guru terawal di tanah air, Malaysia iaitu bapa beliau; Tuan Guru Haji Abdul Rahman. Terdapat lebih kurang 12 orang ulama tersohor Mekah yang berasal dari benua nusantara dan tujuh orang ulama tersohor Mekah yang berasal dari Timur Tengah yang menjadi sumber *talaqqi* beliau dalam tempoh 14 tahun tersebut (Muhyiddin Abdullah et. al. 2011: 335).

Kecemerlangan beliau dalam arena ilmu di Mekah ditanda araskan berdasarkan keizinan yang diberikan oleh para guru untuk beliau mengendalikan *halaqah* ilmu di Masjid al-Haram selama lebih kurang sembilan tahun sebelum beliau kembali ke Malaysia. Keizinan ini diperolehi setelah beliau menimba ilmu selama lima tahun di Mekah. Selain itu, pengiktirafan kompetensi kemuncak keilmuwan beliau di Mekah adalah kurniaan *ijazah* tauliah dan tamat pengajian pada bulan Muharram tahun 1966. *Ijazah* ini tidak akan dikurniakan kecuali setelah beliau telah lulus dalam semua jenis ujian yang dilaksanakan oleh para guru Masjid al-Haram tersebut (Muhyiddin Abdullah et. al. 2011: 335). Analisis mendapati *ijazah* jenis ini dapat disinonimkan sebagai *ijazah al-tadris* iaitu keizinan untuk mengajar ilmu agama (al-Azhari, 2008: 6).

Tokoh juga tidak terkecuali turut menerima *sanad* bagi kitab-kitab yang dibacakan serta didengari di hadapan para guru beliau tersebut. Dalam erti kata lain, beliau turut mengambil *al-ijazah* daripada para guru bagi meriwayatkan kitab-kitab *turath* dalam pelbagai bidang ilmu sama ada berkaitan al-Quran, tafsir dan hadis (Mohd. Zaidi, 2002: i-192). Analisis mendapati *ijazah* jenis ini dapat disinonimkan sebagai *ijazah al-riwayah* iaitu keizinan untuk meriwayatkan *sanad* ilmu agama berteraskan kitab-kitab *turath* dan lain-lain (al-Azhari, 2008: 6).

4. Karya al-Thabat Tokoh

Subul al-Sa'adah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq 'Abdullah bin al-Marhum al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Kalantani merupakan sebuah karya *thabat* yang mendokumentasikan sebahagian salasilah *sanad* periwayatan kitab dalam konteks al-Quran dan hadis yang dimiliki oleh Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah. Karya ini disusun oleh anak murid beliau iaitu Ustaz Mohammad Zaidi bin Abdullah. Karya berjumlah 192 halaman ini diterbitkan sejak daripada tahun 2002 lagi oleh sebuah syarikat penerbitan yang dikenali sebagai Syathariyah Niagajaya Sdn. Bhd, Kuala Lumpur (Mohd. Zaidi, 2002: i-192).

Selain judul dalam bahasa Arab, penyusun turut meletakkan judul karya ini dalam bahasa Melayu iaitu *Menuju Kebahagiaan Sejati Koleksi Hadith serta Sanad Riwayat Tuan Guru Haji Abdullah bin al-Marhum Tuan Guru Haji Abdurrahman* (Mohd. Zaidi, 2002: i-192). Penamaan dua judul secara dwi bahasa ini adalah sejajar dengan kandungan karya yang ditulis. Kandungan tersebut menggunakan dua

bahasa iaitu bahasa Arab untuk penulisan lengkap salasilah *sanad* dan *matan* hadis yang dipetik serta bahasa Melayu untuk penulisan biodata ringkas perawi, martabat hadis dan huraian intisari kefahaman serta pengajaran yang terkandung dalam makna hadis. Karya ini juga diisytiharkan oleh penyusun sebagai jilid pertama kerana beliau berhasrat untuk menyusun jilid yang kedua pada masa akan datang (Mohd. Zaidi, 2002: 192).

5. Profil Penyusun Karya *Thabat Tokoh*

Ustaz Mohd. Zaidi bin Abdullah merupakan antara *al-musnid* tempatan yang bergiat aktif mengumpul, menyelenggara, menyusun, mendokumentasikan serta menyebarkan salasilah *sanad* ilmu-ilmu pengajian Islam yang diriwayatkan oleh beliau daripada tokoh-tokoh ilmuwan tempatan di Malaysia. Nama lengkap beliau ialah Mohammad Zaidi bin Abdullah bin Ahmad al-Shah Alami. Beliau dilahirkan pada tahun 1975 dan merupakan anak kelahiran Selangor Darul Ehsan. Beliau memberi komitmen yang serius dalam menuntut ilmu-ilmu agama secara *talaqqi bersanad* dengan sejumlah besar tokoh-tokoh ilmuwan terbilang khususnya di Malaysia (Mohd. Khafidz et. al., 2016: 450). *Talaqqi bersanad* ini boleh difahami sebagai pengajian kitab secara langsung dengan guru yang merupakan ahli *sanad* menerusi aplikasi *al-sama'* (guru membacakan hadis kepada murid), *al-qira'ah* (murid membacakan hadis di hadapan guru) atau *al-ijazah* (kebenaran bagi seseorang meriwayatkan sesuatu hadis atau kitab hadis dengan izin atau autoriti daripada seseorang guru tanpa pembacaan di hadapannya ('Abd al-Fattah Abu Ghuddah, 1992: 99).

Oleh sebab itu, para guru beliau adalah masyhur dikenali memiliki salasilah *sanad* ilmu pengajian Islam seperti *sanad* al-Quran dan *sanad* kitab hadis. Mohd. Khafidz et. al. (2016: 450) menyenaraikan sembilan contoh guru-guru beliau yang menjadi sumber pengambilan dan periwayatan ilmu iaitu Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah, Tuan Guru Haji Hasyim bin Abu Bakar, Syeikh Nuruddin al-Banjari al-Makki, Syeikh Wan Zakaria bin Ahmad Wan Besar, Tuan Guru Haji Yahya Zikri, Tuan Guru Wan Izzuddin bin Wan Ibrahim, Syeikh Saleh bin Uthman Jalaluddin, Tuan Guru Haji Saleh bin Musa dan Dr. Muhammad Akram al-Nadwi (ilmuwan hadis India).

Manakala Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah iaitu tokoh yang dibincangkan dalam makalah ini, merupakan guru yang paling banyak mempengaruhi keilmuwan Ustaz Mohd. Zaidi bin Abdullah. Ini adalah kerana beliau berpeluang menimba ilmu daripada tokoh berkenaan selama lebih kurang 18 tahun. Tempoh *talaqqi bersanad* ini bermula sejak daripada tahun 1990 sehingga tokoh ini meninggal dunia pada tahun 2008 (Mohd. Khafidz et. al., 2016: 450).

Ustaz Mohammad Zaidi bin Abdullah memiliki kecenderungan dan minat yang tinggi dalam hal ehwal periwayatan salasilah *sanad* yang dimiliki oleh para gurunya berbanding dengan lain-lain murid yang agak kurang prihatin dalam perkara ini. Kenyataan ini selaras

dengan refleksi daripada penghasilan lima buah lagi lain-lain karya *al-thabat* yang diselenggarakan oleh beliau sebagaimana berikut. Karya-karya ini mendokumentasikan sebahagian besar salasilah *sanad* yang diriwayatkan oleh beliau daripada para guru berkenaan (Mohd. Khafidz et. al. 2016: 450-451):

- a) *Al-Majalis al-Sa^cidiyyah: wa hiya Musalsalat wa Asanid al-Syaykh Wan ^cIzz al-Din bin Wan Ibrahim al-Fatani al-Qadahi*. Ianya adalah sebuah karya *al-thabat* yang merekodkan salasilah *sanad* keilmuan yang dimiliki oleh Tuan Guru Haji Wan Izzuddin bin Wan Ibrahim.
- b) *Juz' fi Masmu^cat al-Ustadh Taha al-Falaki*. Ianya adalah sebuah karya *al-thabat* yang merekodkan salasilah *sanad* keilmuan yang dimiliki oleh al-Fadhil Ustaz Taha al-Falaki, Klang, Selangor.
- c) *Talkhis al-Jami^c al-Sahih al-Musnad al-Mukhtasar li al-Bukhari min Marwiyyat Syaykh ^cAbdullah Lubok Tapah wa Syaykh Hamzah Bukit Tanah*. Karya ini mengandungi 100 buah hadis terpilih daripada kitab *Sahih al-Bukhari* yang diriwayatkan oleh Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah dan Tuan Guru Haji Hamzah Bukit Tanah.
- d) *Asanid al-Kutub al-Masyhurah*. Ianya adalah sebuah karya *al-thabat* yang merekodkan salasilah *sanad* keilmuan yang dimiliki oleh Tuan Guru Haji Hasyim Pasir Tumbuh.
- e) *'Unwan al-Asanid*. Ianya adalah sebuah karya *al-thabat* yang merekodkan salasilah *sanad* keilmuan yang dimiliki oleh Tuan Guru Haji Sulaiman Kg. Siram.

Implikasi huraian profil penyusun karya *thabat* tokoh ini adalah untuk menunjukkan bahawa salasilah *sanad* seseorang ulama adakalanya tidak ditulis oleh ulama tersebut sendiri tetapi disusun oleh murid yang tertentu.

6. Reka bentuk Penyusunan Karya *Thabat* Tokoh

Reka bentuk karya *Subul al-Sa^cadah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq ^cAbdullah bin al-Marhum al-Shaykh ^cAbd al-Rahman al-Kalantani* adalah berdasarkan penyusunan 50 buah hadis yang dipilih khas oleh penyusun. Kesemua hadis ini diriwayatkan secara bersambungan *sanadnya* bertitik tolak daripada penyusun yang diambil menerusi perantaraan Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah sehingga sampai kepada pengarang-pengarang asal 36 buah kitab *turath* hadis. Selain itu, terdapat juga periwayatan dua buah hadis *musalsal* (hadis yang membawa atau memperturunkan sesuatu keadaan atau sifat yang sama daripada seorang perawi kepada seorang perawi, sama ada sifat tersebut pada perawi atau *sanad*, sama ada ia

berbentuk cara penyampaian hadis atau berkaitan dengan waktu atau tempat penyampaiannya) serta empat buah kitab dalam lain-lain bidang seperti al-Quran, tafsir, usuluddin dan tasawuf yang direkodkan salasilah *sanad*nya dalam karya *thabat* ini. (Mohd. Zaidi 2002: i-iv). Jadual 1 berikut memaparkan lima kategori kitab *turath* hadis yang diriwayatkan dalam karya ini serta satu kategori kitab dalam bidang selain hadis.

Jadual 1. Kategori Kitab *Turath* Hadis

BIL.	KATEGORI KITAB	JUMLAH KITAB
1.	Kitab Hadis <i>Sahih</i>	5
2.	Kitab Hadis <i>Sunan</i>	6
3.	Kitab Hadis <i>Musnad</i>	11
4.	Lain-lain Kitab Hadis	14
5.	Hadis <i>Musalsal</i>	2
6.	Kitab Lain-Lain Bidang	4
JUMLAH		42

Seterusnya jadual 2 pula memperincikan judul lima buah hadis yang dipilih oleh penyusun daripada kitab *Sahih al-Bukhari* sahaja sebagai mewakili contoh judul keseluruhan 50 buah hadis yang disusun dalam *Subul al-Sa^cadah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq ^cAbdullah bin al-Marhum al-Shaykh Abd al-Rahman al-Kalantani* (Mohd. Zaidi 2002: i-iv). Contoh ini diketengahkan berasaskan ianya dikenal pasti sebagai jumlah bilangan hadis yang paling banyak dipetik oleh penyusun daripada sesebuah kitab *turath* hadis dalam karya ini berbanding baki 45 buah hadis dan 35 buah kitab *turath* hadis yang lain.

Jadual 2. Judul Lima Buah Hadis *Sahih al-Bukhari* dalam *Subul al-Sa^cadah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq ^cAbdullah bin al-Marhum al-Shaykh ^cAbd al-Rahman al-Kalantani*

BIL. HADIS	NAMA JUDUL
Hadis 4	Peranan Niat dalam Islam Riwayat <i>Sahih Muslim, Sahih al-Bukhari, Musnad al-Humaidy</i> dan <i>Taqrib al-Asanid al-Iraqi</i>
Hadis 10	Kekayaan Makna Wahyu Riwayat <i>Sahih al-Bukhari</i>
Hadis 14	Kelebihan Para Wali Riwayat <i>Sahih al-Bukhari</i>
Hadis 19	Islam Memilih Kefahaman Seseorang Riwayat <i>Sahih al-Bukhari</i>
Hadis 28	Peringatan Tentang Anjakan Sikap Riwayat <i>Sahih al-Bukhari</i>

Analisis kandungan mendapati *matan* dan salasilah *sanad* periwayatan kesemua 50 buah hadis dalam karya ini adalah dipaparkan secara lengkap. Dengan erti kata lain, salasilah *sanad* kepada setiap satu daripada 50 buah hadis ini adalah dinyatakan bermula daripada periwayatan penyusun menerusi gurunya Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah sehingga sampai kepada pengarang asal kitab *turath* yang terkandung di dalamnya hadis berkenaan. Setelah itu, *sanad* tersebut disambung lagi pernyataan rantaiannya sehingga kemuncaknya sampai kepada Rasulullah SAW dan berakhir dengan pernyataan *matan* hadis (Mohd. Zaidi, 2002).

Pada dasarnya karya ini direka bentuk sebegini eksklusif adalah untuk mencapai objektif utama sesebuah karya *al-thabat* dihasilkan. Ianya adalah khas untuk mendokumentasikan mata rantai salasilah *sanad* yang tidak putus persambungannya sehingga sampai kepada pengarang asal kitab yang diriwayatkan oleh seseorang penyusun daripada guru-guru yang tertentu kurun demi kurun. Justeru itu, reka bentuk karya ini umumnya berkesinambungan daripada lebih kurang 3081 buah karya *thabat* lain yang pernah dihasilkan daripada abad ke enam hijrah hingga kini sebagaimana yang direkodkan dalam ensiklopedia *sanad* dunia Islam susunan al-Mar^oasyli (2002: 8).

Secara khusus pula, kajian sukar mencari karya *thabat* lain yang sepadan dengan karya *Subul al-Sa^oadah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq ^oAbdullah bin al-Marhum al-Shaykh Abd al-Rahman al-Kalantani* dalam erti kata karya *thabat* yang juga merekodkan 50 hadis secara *bersanad*. Namun begitu, kajian menemui sebuah karya *thabat* yang paling mirip dengan karya *Subul al-Sa^oadah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq ^oAbdullah bin al-Marhum al-Shaykh Abd al-Rahman al-Kalantani* iaitu *al-Arba^oun Hadithan Min Arba^oin Kitaban ^oan Arba^oin Shaykhan* karya Syeikh Yasin al-Fadani (2008). Walaupun begitu, karya Syeikh Yasin al-Fadani (2008) ini merekodkan 40 hadis secara *bersanad* yang terdapat dalam 40 buah kitab hadis yang diterima daripada 40 orang guru beliau. Perbandingan menunjukkan kedua-dua karya ini masih sama reka bentuknya walaupun berbeza jumlah hadis, kitab hadis dan jumlah guru yang disandarkan periwayatan *sanadnya* dalam karya masing-masing.

7. Sumber Rujukan Pengeluaran Salasilah *Sanad* dalam Karya *Thabat* Tokoh

Penyusun tidak menyatakan secara langsung karya *thabat* yang menjadi sumber rujukan pengeluaran salasilah *sanad* dalam karya *thabat* Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah ini. Namun analisis kandungan mendapati terdapat nama-nama perawi tertentu yang tersenarai dalam salasilah *sanad* yang digelapkan tulisannya seperti nama al-Amir al-Kabir. Menurut hemat penulis, nama tersebut merupakan nama kepada penyusun karya *thabat* yang dijadikan sandaran rujukan pengeluaran salasilah *sanad* dalam karya *Subul al-Sa^oadah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq ^oAbdullah bin al-Marhum al-Shaykh ^oAbd al-Rahman al-Kalantani*. Ini adalah kerana terdapat 43 tempat yang mencatatkan nama al-Amir al-Kabir ini dalam karya ini (Mohd. Zaidi, 2002).

Kenyataan ini turut disokong menerusi penegasan penyusun bahawa karya *Thabat al-Amiral-Kabir* tersebut pernah dipelajari secara langsung oleh Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah daripada gurunya yang dikenali sebagai Syeikh Yasin al-Fadani. Manakala mekanisme persambungan salasilah *sanad* kepada karya ini adalah turut dilakukan secara *al-ijazah* daripada Syeikh Yasin al-Fadani yang diperolehi pada tarikh 28 Januari 1957 (Mohd. Zaidi, 2002:120-121). Analisis mendapati usia tokoh pada tarikh pengijazahan tersebut

adalah dalam lingkungan 24 tahun. Manakala gurunya, Syeikh Yasin al-Fadani berusia dalam lingkungan 41 tahun. Syeikh Yasin al-Fadani lahir pada tahun 1916 dan wafat pada tahun 1990 (Mohd. Khafidz & Mohd. Norzi, 2011:36). Perbandingan tahun kelahiran dan kewafatan ini adalah salah satu mekanisme pensabitan kesahihan pertemuan antara guru dan murid dalam ilmu hadis (Farhah Zaidar, 2014: 242).

8. Rantailan Ulama Sumber Periwiyatan 36 Kitab *Turath* hadis dalam Karya *Thabat* Tokoh

Karya *Subul al-Sa'adah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq 'Abdullah bin al-Marhum al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Kalantani* telah berhasil merekodkan 63 saluran rantailan ulama yang disandarkan menerusi sepuluh orang guru kepada Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah. Sepuluh orang guru tersebut merupakan ulama yang menjadi sumber perantara periwiyatan salasilah *sanad* oleh tokoh sehingga sampai kepada para pengarang asal 36 buah kitab *turath* hadis berkenaan. Sepuluh orang guru tersebut adalah Syeikh Yasin al-Fadani, Muhammad Salih bin Idris al-Kelantani, Sayyid Alawi al-Maliki, Syeikh Daud Sulaiman al-Kelantani, Haji Muhammad Mukhtar Amfanan, Isma'il bin 'Abd al-Qadir al-Fatani (Pak Da Eil), Hasan Masyat, Muhammad 'Arabi al-Tabbani, Syeikh Muhammad Sulaiman Dawud dan bapa tokoh sendiri iaitu Tuan Guru Haji Abdul Rahman (Mohd Zaidi, 2002). Perbincangan dimulakan dengan Jadual 3 yang memperincikan nama-nama ulama yang menjadi sumber penyandaran *sanad* tokoh dalam tiga peringkat persambungan. Para ulama dalam jadual ini merupakan sumber periwiyatan *sanad* untuk kategori kitab hadis *sahih* iaitu kitab yang mengumpulkan hadis *sahih* sahaja.

Ulama pertama dalam jadual 3 merupakan guru kepada Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah yang menjadi sumber perantara terawal dalam periwiyatan *sanad* tokoh. Nama ulama ini disebut sejurus selepas nama Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah dalam rantailan *sanad*. Manakala ulama kedua merupakan guru kepada ulama pertama tadi. Namanya adalah disebut setelah nama ulama pertama dalam rantailan *sanad*. Ulama ketiga pula merupakan guru kepada ulama kedua yang namanya disebut sejurus selepas nama ulama kedua dalam rantailan *sanad* (Mohd. Zaidi, 2002). Seterusnya, analisis kandungan sebagaimana yang dipaparkan dalam jadual 3 adalah menunjukkan Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah telah meriwiyatkan lima buah kitab hadis *sahih* iaitu *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sahih Ibn Khuzaimah*, *Sahih ibn Hibban* dan *Mustadrak al-Hakim*. Tokoh didapati memiliki sepuluh orang guru sebagai perantara yang menghubungkan jaringan rantailan *sanad* tokoh sehingga sampai kepada lima orang pengarang asal kepada kitab-kitab berkenaan. Rantailan *sanad* ini disusur galurkan menerusi 18 saluran periwiyatan (Mohd. Zaidi, 2002).

Jadual 3. Sumber Persambungan Periwiyatan Salasilah *Sanad*
Kategori Kitab Hadis *Sahih*

BIL.	KITAB HADIS	SALASILAH SANAD PERINGKAT SATU (ULAMA PERTAMA)	SALASILAH SANAD PERINGKAT DUA (ULAMA KEDUA)	SALASILAH SANAD PERINGKAT TIGA (ULAMA KETIGA)
1.	<i>Sahih Bukhari</i>	<p>Syeikh Yasin al-Fadani</p> <p>Muhammad Salih bin Idris al-Kelantani</p> <p>Syeikh Yasin al-Fadani</p> <p>Muhammad Salih bin Idris al-Kelantani, Syeikh Yasin al-Fadani & Sayyid Alawi al-Maliki</p> <p>Syeikh Yasin al-Fadani</p> <p>Syeikh Daud Sulaiman al-Kelantani, Syeikh Yasin al-Fadani & Muhammad Salih</p>	<p>Syeikh 'Umar bin Abi Bakr Bajunayd al-Makki & Syeikh Sa'id bin Muhammad Yamani al-Makki</p> <p>Umar Hamdan al-Mahrasi</p> <p>Ahmad bin 'Abd Allah al-Mukhallalati</p> <p>Umar Hamdan al-Mahrasi</p> <p>Badr al-Din bin Yusuf al-Magribi & Yusuf bin Isma'il al-Nabhani</p> <p>Umar Hamdan al-Mahrasi</p>	<p>Muhammad bin Ibrahim al-Madani</p> <p>Muhammad Mahfuz al-Tarmasi</p> <p>Syaykh Salim Afandi al-'Atar al-Dimasyqi</p> <p>'Abd Allah bin 'Awdah al-Qaddumi al-Nabalusi</p> <p>Al-Burhan Ibrahim al-Saqa</p> <p>Muhammad Mahfuz al-Tarmasi</p>
2.	<i>Sahih Muslim</i>	<p>Syeikh Yasin al-Fadani</p> <p>al Syeikh Yasin al-Fadani</p> <p>Syeikh Daud Sulaiman al-Kelantani & Haji Muhammad Mukhtar Amfanan</p> <p>Syeikh 'Abd al-Rahman Isma'il bin 'Abd al-Qadir al-Fatani (Pak Da Eil)</p> <p>Sayyid Alawi al-Maliki & Hasan Masyat</p> <p>Muhammad 'Arabi al-Tabbani</p> <p>Syeikh Yasin al-Fadani</p>	<p>Habib Abu Bakr bn Ahmad al-Habasyi</p> <p>Muhammad Ali al-Maliki</p> <p>Tidak dinyatakan</p> <p>Syeikh 'Abd Qadir al-Mandili</p> <p>Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani</p> <p>Sayyid 'Abbas al-Maliki</p> <p>Syeikh Yusuf bin Isma'il bin Yusuf al-Nabhani</p> <p>Ibrahim bin Dawud bin 'Abd al-Qadir al-Fatani al-Makki</p>	<p>Tidak dinyatakan</p> <p>Sayyid Bukra al-Syata al-Makki</p> <p>Tidak dinyatakan</p> <p>Mukhtar Atarid Bogor</p> <p>al-Sayyid 'Umar al-Syami</p> <p>Muhammad 'Abid al-Maliki</p> <p>Muhammad bin Muhammad al-Khani</p> <p>Muhammad bin 'Abd al-Qadir bin 'Abd al-Rahman al-Fatani & Muhammad 'Ali al-Maliki al-Makki</p>
3.	<i>Sahih Ibn</i>	<p>Syeikh Yasin al-</p>	<p>'Abd al-Hayy bin</p>	<p>Basayuni bin hasan</p>

	<i>Khuzaimah</i>	Fadani		'Abd al-Kabir al-Kattani	'Asal al-Faransyawi
4.	<i>Sahih Ibn Hibban</i>	Syeikh Yasin al-Fadani		Umar Hamdan al-Mahrasi	Syeikh Falih al-Zahiri
		Syeikh Yasin al-Fadani		Muhammad Hasan Marzuq Hanbakah	Muhammad Amin Suwayd al-Dimasyqi
5.	<i>Mustadrak al-Hakim</i>	Syeikh Yasin al-Fadani		Mahmud al-'Atar al-Dimasyqi	Muhammad al-Asymuni

Analisis turut mendapati sumber utama persambungan periwayatan tokoh terhadap kitab-kitab *sahih* berkenaan adalah menerusi guru tokoh yang dikenali sebagai Syeikh Yasin al-Fadani. Kedudukan ini diputuskan berdasarkan penemuan 12 saluran mata rantai yang diriwayatkan oleh tokoh adalah disandarkan menerusi salasilah *sanad* guru ini. Bilangan ini pula merupakan jumlah saluran paling banyak berbanding saluran *sanad* yang diriwayatkan daripada lapan orang guru-guru yang lain. Malah 12 saluran ini pula diriwayatkan oleh Syeikh Yasin al-Fadani menerusi mata rantai yang berbeza-beza di antara satu dengan yang lain (Mohd. Zaidi, 2002).

Jadual 4. Sumber Persambungan Periwayatan Salasilah *Sanad* Kategori Kitab hadis *Sunan*

BIL.	KITAB HADIS	SALASILAH SANAD PERINGKAT SATU (ULAMA PERTAMA)	SALASILAH SANAD PERINGKAT DUA (ULAMA KEDUA)	SALASILAH SANAD PERINGKAT DUA (ULAMA KETIGA)
1.	<i>Sunan al-Daraqutni</i>	Syeikh Yasin al-Fadani	'Ali bin 'Abd Allah al-Banjari	Sayyid Bukra al-Syata al-Makki
		Syeikh Yasin al-Fadani	'Abd al-Hayy bin 'Abd al-Kabir al-Kattani	Al-Nur Abi 'Ali Hussayn Manqarah al-Tarablusi
2.	<i>Sunan al-Tirmidhi</i>	Syeikh Yasin al-Fadani	Umar Hamdan al-Mahrasi	Sayyid Ahmad bin Ismail
		Syeikh Yasin al-Fadani	Al-Sayyid 'Abd al-Rahman bin Ahmad al-Halabi al-Makki	Al-Wajih al-Kuzbari
		Syeikh Yasin al-Fadani	Muhammad Abu Nasr Khalaf al-Hamsa	Muhammad Salim Khalaf al-Hamsa
		Syeikh Yasin al-Fadani	'Abd al-Hayy ibn 'Abd al-Kabir al-Kattani	Abu Muhammad 'Abd al-Salam bin Muhammad bin Tahir bin al-Hawari
		Tuan Guru Abdul Rahman	Uthman Jalaluddin	'Umar Hamdan

			al-Makki	
		Muhammad Salih bin Idris al-Kelantani & Syeikh Yasin al-Fadani	Umar Hamdan al-Mahrasi	Muhammad Mahfuz al-Tarmasi
3.	<i>Sunan Ibn Majah</i>	Syeikh Yasin al-Fadani	'Ali bin Falih al-Zahiri	Sayyid Syarif Muhammad bin 'Iwad al-Dimyati
		Muhammad Salih bin Idris al-Kelantani	'Abd al-Sattar bin al-Wahhab al-Sadiqi	Ahmad Abu al-Khayr bin Uthman Jamal al-'Atar al-Ahmadi al-Makki
4.	<i>Sunan Abu Dawud</i>	Sayyid Alawi al-Maliki	Sayyid 'Abbas al-Maliki	Muhammad 'Abid al-Maliki
		Muhammad Salih bin Idris al-Kelantani	'Abd al-Sattar bin al-Wahhab al-Sadiqi	Ahmad Abu al-Khayr bin Uthman Jamal al-'Atar al-Ahmadi al-Makki
5.	<i>Sunan al-Nasa'i</i>	Muhammad Salih bin Idris al-Kelantani & Syeikh Yasin al-Fadani	Umar hamdan al-mahrasi & Ahmad bin 'Abd Allah al-Mukhallalati & Muhammad al-Baqir al-Jawi	Muhammad Mahfuz al-Tarmasi
		Isma'il bin 'Abd al-Qadir al-Fatani al-Makki	Ahmad al-Fatani al-Makki	Al-Sayyid 'Ali al-Witri
6.	<i>Sunan Sa'id bin Manshur</i>	Tuan Guru Abdul Rahman	'Abd al-Baqi al-Ayyubi al-Laknawi	Syeikh 'Abbas bin Ja'far bin Sidiq al-Makki al-Hanafi

Seterusnya analisis kandungan berdasarkan paparan jadual 4 pula menunjukkan terdapat enam buah kitab *turath* hadis kategori *sunan* iaitu kitab hadis yang disusun berdasarkan bab-bab fiqh yang telah diriwayatkan oleh Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah. Enam buah kitab *sunan* ini telah diriwayatkan oleh tokoh menerusi sumber *sanad* yang dimiliki oleh lima orang guru tokoh. Rantainya *sanad* ini disusun galurkan menerusi 14 saluran periwayatan (Mohd. Zaidi, 2002). Analisis turut mendapati sumber utama periwayatan salasilah *sanad* kitab *sunan* Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah adalah guru beliau yang bernama Syeikh Yasin al-Fadani juga. Ini adalah kerana tokoh telah berhasil menghubungkan jaringan periwayatan *sanad* kepada kitab-kitab *sunan* berkenaan menerusi sembilan saluran yang diperantarakan oleh Syeikh Yasin al-Fadani kecuali *Sunan Abu Dawud* dan *Sunan Sa'id bin Manshur*. Jumlah saluran ini merupakan yang terbanyak berbanding lain-lain bilangan saluran yang disandarkan kepada empat orang lagi guru tokoh dalam konteks periwayatan kitab *sunan* (Mohd. Zaidi, 2002).

Jadual 5. Sumber Persambungan Periwiyatan Salasilah *Sanad*
Kategori Kitab hadis *Musnad*

BIL.	KITAB HADIS	SALASILAH SANAD PERINGKAT SATU (ULAMA PERTAMA)	SALASILAH SANAD PERINGKAT DUA (ULAMA KEDUA)	SALASILAH SANAD PERINGKAT TIGA (ULAMA KETIGA)
1.	<i>Musnad al-Humaidi</i>	Syeikh Daud Umar Hamdan al-Mahrasi Sulaiman al-Kelantani, Syeikh Yasin al-Fadani & Muhammad Salih bin Idris al-Kelantani	Umar Hamdan al-Mahrasi & Muhammad Abi al-Nasr bin 'Abd al-Qadir al-Khatib al-Dimasyqi	Muhammad Mahfuz al-Tarmasi 'Abd Allah bin Muhammad al-Tala al-Syami
2.	<i>Musnad Shaghir Karya 'Abdun bin Humaidi</i>	Syeikh Yasin al-Fadani	Al-Qadi Muhammad 'Ali Zabayani al-Kailani & 'Abd Allah bin Muhammad al-Ghazi al-Hindi al-Makki	Al-Adib 'Abd al-jalil Burradah al-Madani
3.	<i>Musnad Kabir oleh al-Bazzar</i>	Syeikh Yasin al-Fadani Muhammad Salih bin Idris al-Kelantani, Syeikh Yasin al-Fadani, Syeikh Muhammad Sulaiman Dawud & Sayyid Alawi al-Maliki	Syeikh 'Ali bin Abdullah Bin Mahmud bin Muhammad Arsyad al-Banjari Umar Hamdan al-Mahrasi	Ahmad Zaini Dahlan Muhammad al-Imam bin al-Burhan al-Saqa
4.	<i>Musnad Imam Ahmad</i>	Muhammad Salih bin Idris al-Malayuwi al-Makki, Syeikh Yasin al-Fadani Muhammad Salih bin Idris al-Malayuwi al-Makki, Syeikh Yasin al-Fadani	Umar Hamdan al-Mahrasi Umar Hamdan al-Mahrasi	Muhammad Mahfuz al-Tarmasi Muhammad Mahfuz al-Tarmasi
5.	<i>Musnad al-Syihab</i>	Muhammad Salih bin Idris al-Malayuwi al-	Ahmad bin 'Abd Allah al-Mukhallalati Umar Hamdan al-Mahrasi	Sayyid Muhammad Hamid al-Jadawi Muhammad Mahfuz al-Tarmasi

6.	Musnad Abu Hanifah	Makki, Syeikh Yasin al- Fadani Sayyid Alawi al- Maliki Muhammad Salih bin Idris al- Malayuwi al- Makki & Syeikh Daud Sulaiman al-Kelantani	Umar Hamdan al- Mahrasi	Muhammad Tala al-Syami
7.	Musnad Abu Dawud al-Tayyalisi	Syeikh Yasin al- Fadani	Mahmud al-'Atar al-Dimasyqi	Muhammad al-Asymuni
8.	Musnad Imam Syafiei	Syeikh Yasin al- Fadani	Syeikh Ibrahim bin Dawud al-Fatani	Muhammad bin 'Abd al-Qadir al- Fatani
9.	Musnad al-Harith bin Abu Usamah	Muhammad Salih bin Idris al- Kelantani, Syeikh Yasin al- Fadani	Umar Hamdan al- Mahrasi Salih bin al-Fudayl al-Tunisi & Umar bin Hamdan	Muhammad Mahfuz al- Tarmasi Muhammad al- Makki al-Tunisi
10.	Musnad al-Darimi	Muhammad Salih bin Idris al- Kelantani, Syeikh Yasin al-Fadani, Syeikh Muhammad Sulaiman Dawud	Falih bin Muhammad al-Zahiri	Al-Nur 'Ali bin 'Abd al-Haq al- Qusi & Abu 'Ali Hasan al-'Adawi
11.	Musnad Bilal Susunan al- Za'farani	Muhammad Salih bin Idris al- Kelantani, Syeikh Yasin al-Fadani, Syeikh Muhammad Sulaiman Dawud	Umar Hamdan al- Mahrasi	Falih bin Muhammad al- Zahiri al-Madani

Sementara itu, jadual 5 pula memaparkan penemuan 11 buah kitab *turath* hadis kategori *musnad* iaitu kitab hadis yang disusun berdasarkan nama-nama sahabat yang diriwayatkan oleh Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah. Jadual ini juga menunjukkan terdapat lima orang guru yang menjadi sumber perantara persambungan salasilah *sanad* sehingga sampai kepada para pengarang kitab-kitab *musnad* berkenaan. Rangkaian *sanad* ini disusur galurkan menerusi 16 saluran periwayatan (Mohd. Zaidi, 2002).

Analisis kandungan mendapati guru tokoh yang paling banyak sekali disandarkan periwayatannya dalam konteks kitab *musnad* adalah Syeikh Yasin al-Fadani juga. Kedudukan ini berikutan terdapatnya 11 saluran salasilah periwayatan *sanad* yang berbeza-beza yang dapat menghubungkan jaringan rangkaian *sanad* tokoh sehingga sampai kepada para pengarang asal kitab-kitab *musnad* berkenaan adalah menerusi perantaraan Syeikh Yasin al-Fadani kecuali *Musnad al-Syihab* (Mohd. Zaidi, 2002).

Jadual 6. Sumber Persambungan Periwiyatan Salasilah *Sanad*
Kategori Lain-lain Kitab Hadis

BIL.	KITAB HADIS	SALASILAH SANAD PERINGKAT SATU (ULAMA PERTAMA)	SALASILAH SANAD PERINGKAT DUA (ULAMA KEDUA)	SALASILAH SANAD PERINGKAT TIGA (ULAMA KETIGA)
1.	<i>Muwatta'</i> Imam Malik	Sayyid Alawi al-Maliki	Sayyid 'Abbas al-Maliki, Umar Hamdan al-Mahrasi & Syeikh 'Abd al-Sattar al-Dihlawi	Muhammad 'Abid
2.	Pelbagai Kitab Susunan al-Hafiz al-Khatib al-Baghdadi	Syeikh Yasin al-Fadani	Ahmad bin 'Abd Allah al-Mukhallalati 'Abd Allah bin Muhammad al-Ghazi al-Hindi al-Makki	Sayyid Muhammad Hamid al-Jadawi Muhammad Hasb Allah al-Makki
3.	<i>al-Yaqin</i> Karya Ibn Abi al-Dunya	Syeikh Yasin al-Fadani	Habibullah al-Syanqiti	Al-Nahwi al-Syaykh 'Abd al-Majid
4.	<i>Qashr al-'Amal</i> Karya Ibn Abi Dunya	Syeikh Yasin al-Fadani	Al-Qadi Muhammad 'Ali Zabayani al-Kailani & 'Abd Allah bin Muhammad al-Ghazi al-Hindi al-Makki	Al-Adib 'Abd al-Jalil Burradah al-Madani
5.	Karya-karya Ibnu Abi Hatim	Syeikh Yasin al-Fadani	Umar Hamdan al-Mahrasi & Syeikh 'Abd al-Wasi' al-Yamani	'Abd al-Mu'ti
6.	<i>Tabyin</i> Karya al-Hafiz Ibn 'Asakir	Syeikh Yasin al-Fadani	Muhammad Zahid al-Kawthari	Hasan al-Kawthari
7.	<i>'Amal al-Yawm wa al-Laylah</i> karya Ibn Sunni	Muhammad Salih bin Idris al-Kelantani	'Abd al-Hayy ibn 'Abd al-Kabir al-Kattani	Syeikh Muhammad Tahir
8.	Riwayat <i>al-Taubikh wa al-Tanbih</i> karya Abu Syaikh	Syeikh Yasin al-Fadani	'Abd al-Wasi' al-Yamani	Al-Syams Muhammad Ibn 'Abidin
9.	<i>al-Amwal</i> Karya al-Hafiz al-Azdi	Muhammad Salih bin Idris al-Kelantani, Syeikh Yasin al-Fadani	Umar Hamdan al-Mahrasi	Sayyid Abi Nasr al-Khatib
10.	<i>al-Adab al-Mufrad</i> karya al-Bukhari	Syeikh Yasin al-Fadani	Muhammad al-Makki al-Kattani al-Dimasyqi	Muhammad bin Ja'far al-Kattani
11.	<i>Syu'ab al-Iman</i> oleh al-	'Abd al-Qadir al-Mandili	Muhammad 'Ali al-Maliki	Al-Sayyid Abi Bakr al-Syata

12.	Bayhaqi <i>Mu'jam Ausat</i>	Syeikh Yasin al-Fadani	Muhammad al-Makki al-Kattani al-Dimasyqi	Muhammad bin Ja'far al-Kattani
13.	<i>Makarim al-Akhlaq</i> Karya al-Khara'iti	Syeikh Yasin al-Fadani	'Abd al-Hayy bin 'Abd al-Kabir al-Kattani	Basayuni bin Hasan 'Asal al-Faransyawi
14.	<i>Taqrib al-Asanid al-Iraqi</i>	Syeikh Daud Sulaiman al-Kelantani, Syeikh Yasin al-Fadani & Muhammad salih	Umar Hamdan al-Mahrasi	Muhammad Mahfuz al-Tarmasi

Manakala jadual 6 pula memaparkan penemuan 14 buah kitab *turath* hadis daripada pelbagai jenis kategori yang diriwayatkan oleh Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah. Antara jenis-jenis kategori tersebut adalah seperti *muwatta'at*, kitab kelebihan amalan, kitab *mu'jam* dan lain-lain kitab tentang adab serta akhlak. Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah telah meriwayatkan salasilah *sanad* 14 buah kitab dalam kategori ini daripada empat orang guru beliau. Rantainya *sanad* ini disusun galurkan menerusi 15 saluran periwayatan (Mohd. Zaidi, 2002).

Guru yang paling banyak disandarkan sebagai penghubung jaringan mata rantai *sanad* Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah sehingga sampai kepada para pengarang asal kitab-kitab kategori ini adalah Syeikh Yasin al-Fadani kecuali tiga buah kitab iaitu *Muwatta'* Imam Malik, *Amal al-Yawm wa al-Laylah* karya Ibn Sunni dan *Syucab al-Iman* oleh al-Bayhaqi. Terdapat 10 saluran yang berbeza-beza yang disandarkan menerusi perantaraan Syeikh Yasin al-Fadani dalam konteks periwayatan kitab-kitab dalam kategori ini sebagaimana yang direkodkan oleh penyusun dalam kitab *Subul al-Saadah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq 'Abdullah bin al-Marhum al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Kalantani* (Mohd. Zaidi, 2002).

Jadual 7. Sumber Persambungan Periwayatan Salasilah *Sanad* Kategori hadis *Musalsal*

BIL.	KITAB HADIS	SALASILAH SANAD PERINGKAT SATU (ULAMA PERTAMA)	SALASILAH SANAD PERINGKAT DUA (ULAMA KEDUA)	SALASILAH SANAD PERINGKAT TIGA (ULAMA KETIGA)
1.	Rahmat Allah hadis <i>al-Musalsal</i>	Syeikh 'Abd al-Rahman	Syeikh Yasin al-Fadani	Abd al-Qadir bin Taufiq Syalab al-Tarabalusi
2.	Hadith <i>Musalsal</i> Tentang Peringatan Allah swt	Muhammad Salih bin Idris al-Kelantani, Syeikh Yasin al-Fadani & Sayyid Alawi al-	Umar Hamdan al-Mahrasi	Sayyid Muhammad Abu al-Nasr al-Khatib

Analisis kandungan turut menemui dua buah hadis *musalsal* yang didedahkan periwayatan salasilah *sanadnya* dalam kitab *Subul al-Sa'adah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq 'Abdullah bin al-Marhum al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Kalantani*. Jadual 7 menunjukkan hadis *musalsal* berjudul Rahmat Allah sebagai salah satu pilihan penyusun untuk dimasukkan dalam karya ini. Antara justifikasi yang diberikan oleh penyusun adalah untuk memperkenalkan adab yang lazim dipraktikkan ketika berlaku pertemuan dengan para ulama *bersanad* yang mempunyai hubung kait dengan hadis *musalsal* ini (Mohd. Zaidi, 2002: 17).

Menurut penyusun, hadis *musalsal* ini dikenali sebagai hadis *musalsalsal bi al-awwaliyyah* sejajar dengan fungsinya sebagai hadis pertama yang seharusnya didengari terlebih dahulu oleh murid di hadapan guru atau ulama yang *bersanad* sebelum meneruskan periwayatan lain-lain hadis atau kitab. Dengan erti kata lain, hadis *musalsal* ini sebaik-baiknya menjadi hadis permulaan yang perlu didengari oleh murid daripada seseorang gurunya. Murid pada dasarnya perlu memohon kesudian guru untuk memperdengarkan sekaligus meriwayatkan hadis ini kepada murid (Mohd. Zaidi, 2002: 17). Menurut Muhammad Akram al-Nadwi (2001: 33), telah menjadi satu tradisi dalam kalangan ulama silam untuk meriwayatkan *musalsal bi al-awwaliyyah* terlebih dahulu sebelum meriwayatkan lain-lain *sanad* periwayatan ilmu-ilmu Islam.

Seterusnya antara intisari yang dapat difahami daripada maksud hadis *musalsal* ini adalah hubungan dua hala di antara murid dan guru sewajarnya dijalin berteraskan sikap belas kasihan, kasih sayang dan respek di antara satu sama lain. Pada hemat penulis, sikap ini telah dapat dimanifestasikan menerusi kegiatan periwayatan salasilah *sanad*. Ini adalah kerana kegiatan penyandaran *sanad* kepada para ulama seumpama ini tidak mungkin dapat dilestarikan kecuali ada keinginan yang mendalam di kalangan murid untuk menghargai, mencintai dan menghormati para ulama serta mengiktiraf penguasaan ilmu mereka. Sikap begini tidak mungkin muncul kecuali daripada para murid yang menghayati sifat rendah diri dan menjaga adab di hadapan para ulama. Para ulama pula bersikap belas kasihan kepada murid sehingga sanggup meriwayatkan ilmu-ilmu mereka kepada murid bertepatan dengan jenis riwayat yang bersesuaian sama ada *ijazah al-tadris* atau *ijazah al-riwayah* (al-Azhari, 2008:6).

Jadual 8. Sumber Persambungan Periwayatan Salasilah *Sanad*
Kategori Bukan Kitab Hadis

BIL.	BUKAN KITAB HADIS	SALASILAH SANAD PERINGKAT SATU (ULAMA PERTAMA)	SALASILAH SANAD PERINGKAT DUA (ULAMA KEDUA)	SALASILAH SANAD PERINGKAT TIGA (ULAMA KETIGA)
1.	<i>Al-Quran</i>	Syeikh Yasin	'Abd al-Qadir	Sayyid

		al-Fadani	bin Tawfiq al-Syalabi, Ahmad bin 'Abd Allah al-Mukhallalati & 'Umar bin Hamdan al-Mahrisi	Muhammad Abi al-Nasr al-Khatib Dimasyqi
2.	Ma'alim al-Tanzil Karya al-Baghawi (Tafsir)	Syeikh Yasin al-Fadani	Zaki bin Ahmad al-Barzanji	Sayyid Ahmad bin Isma'il al-Barzanji
3.	Hilyah al-Auliya' wa al-Tabaqat al-Ashfiya' (Tasawuf)	Syeikh Yasin al-Fadani	Mahmud al-Attar al-Dimasyqi	Al-Sayyid 'Abd al-Qadir al-tarabalusi al-Madani
		Muhammad Salih bin Idris al-Kelantani, Syeikh Yasin al-Fadani	'Abd al-Hayy ibn 'Abd al-Kabir al-Kattani	Muhammad Amin bin 'Abd al-Ghaniyy al-Baytar al-Dimasyqi & Muhammad Sa'id al-Habal al-Dimasyqi
4.	Faridah al-Fara'id (Usuluddin)	Isma'il bin 'Abd al-Qadir al-Fatani al-Makki	Ahmad al-Fatani al-Makki	Al-Sayyid 'Ali al-Witri

Selain itu, Jadual 8 memaparkan empat buah kitab dalam bidang selain hadis yang turut didokumentasikan salasilah *sanad* periwayatannya dalam kitab *Subul al-Sa'adah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq 'Abdullah bin al-Marhum al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Kalantani*. Namun begitu, salasilah *sanad* dalam konteks ini adalah tidak dianalisis dalam makalah ini kerana ianya tidak termasuk dalam batasan subjek kajian.

9. Guru Riwayat Paling Utama

Berasaskan perbincangan sebelum ini, analisis merumuskan Syeikh Yasin al-Fadani sebagai guru riwayat yang paling utama kepada Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah dalam konteks periwayatan salasilah *sanad* 36 buah kitab *turath* hadis dalam *Subul al-Sa'adah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq 'Abdullah bin al-Marhum al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Kalantani*. Kedudukan Syeikh Yasin al-Fadani ini diputuskan berdasarkan penemuan 42 saluran yang disandarkan kepada beliau selaku perantara yang menghubungkan jaringan mata rantai salasilah *sanad* Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah sehingga sampai kepada para pengarang asal 30 buah kitab *turath* hadis daripada jumlah keseluruhannya iaitu sebanyak 36 buah kitab. Terdapat hanya enam buah kitab *turath* hadis yang juga baki daripada jumlah asal kitab yang tidak dinyatakan periwayatannya menerusi perantaraan Syeikh Yasinal-Fadani dalam karya *Subul al-Sa'adah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq 'Abdullah bin al-Marhum al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Kalantani*. Kitab-kitab tersebut ialah *Sunan Abu Dawud*, *Sunan Sa'id bin Mansur*, *Musnad al-Syihab*, *Muwatta'* Imam

Malik, *al-Yawm wa al-Laylah Ibn Sunni* dan *Syu'ab al-Iman* al-Baihaqi. Dengan erti kata lain, kitab-kitab ini diriwayatkan oleh tokoh menerusi guru-guru beliau yang lain (Mohd. Zaidi, 2002).

Jumlah 42 saluran dan 30 buah kitab *turath* hadis ini pula merupakan bilangan paling banyak berbanding bilangan saluran dan kitab yang diriwayatkan daripada sembilan orang guru Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah yang lain sebagaimana yang direkodkan dalam karya *Subul al-Sa'adah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq 'Abdullah bin al-Marhum al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Kalantani* ini. Secara detailnya, Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah telah meriwayatkan keseluruhan saluran berikut berdasarkan salasilah *sanad* periwayatan yang dimiliki oleh Syeikh Yasin al-Fadani. Saluran-saluran tersebut adalah lima buah kitab *sahih* menerusi 12 saluran, empat buah kitab *sunan* menerusi sembilan saluran, 10 buah kitab *musnad* menerusi 11 saluran dan 11 buah kitab hadis dalam lain-lain kategori menerusi 10 saluran (Mohd. Zaidi, 2002).

Penglibatan Syeikh Yasin al-Fadani dalam aspek *sanad* dan riwayat mendapat pengiktirafan daripada ^cAbd Allah bin al-Siddiq al-Ghumari sebagai *musnid* terulung pada zamannya. Beliau merupakan bekas pelajar Dar al-^cUlum al-Diniyyah, Mekah dan berkhidmat sebagai pengajar ilmu termasuk hadis di Masjid al-Haram. Guru *sanad* beliau berjumlah hampir 700 orang daripada seluruh pelusuk dunia Islam. Terdapat 65 kitab *sanad* yang dihubungkan dengan beliau sama ada *al-thabat*, *mu^cjam al-shuyukh*, *muslasalat* dan lain-lain. Salah satunya ialah *al-Asanid al-Makkiyyah li Kutub al-Hadith wa al-Siyar wa al-Shama^cil al-Muhammadiyah* yang disusun oleh beliau sendiri (al-Mar'asyli, 2002: 18-21,64).

10. Model Periwayatan Salasilah *Sanad* Kitab *Sahih al-Bukhari*

Bertepatan dengan kelebihan di atas, makalah memilih sebuah contoh model periwayatan salasilah *sanad* oleh Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah menerusi perantaraan Syeikh Yasin al-Fadani yang melibatkan kitab *Sahih al-Bukhari*. Untuk saluran terpilih ini, analisis kandungan mendapati terdapat sejumlah 30 orang perawi dalam rangkaian *sanad* ini yang menjadi perantara penyambungan *sanad* di antara Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah dengan Imam al-Bukhari (Mohd. Zaidi, 2002: 119-120).

Jadual 9. Salasilah *Sanad* Kitab *Turath* Hadis Tokoh: *Sahih al-Bukhari*

Bil.	Salasilah <i>Sanad</i> Kitab <i>Turath</i> Hadis Tokoh: <i>sahih al-Bukhari</i>
1.	Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah
2.	Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani
3 & 4	Badr al-Din bin Yusuf al-Maghribi & Yusuf bin Isma'il al-Nabhani
5.	Al-Burhan Ibrahim al-Saqa
6 & 7	Muhammad al-Amir al-Saghir & Hasan al-'Atar
8.	Al-Amir al-Kabir
9.	Al-Saqat
10.	Ahmad bin al-Haj

11.	Abu al-Barakat Sayyid 'Abd al-Qadir al-Fasi
12.	Sayyid 'Ali
13.,	Sayyid Yusuf bin Muhammad al-Fasi & Ahmad bin 'Ali al-Manjur &
14. &	Muhammad bin Qasim al-Gharnatiyyi
15.	
16.	Abi 'Abdullah Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Yasitini
17.	Sayyid Zarruq & Ibn Ghazi
18.	Abu Abd Allah al-Quri
19.	Abu Abd Allah Muhammad al-Ghassani al-Miknasi
20.	Ahmad ibn Muhammad al-Ghammaz al-Khazraji
21.	Al-Rida' al-Tabari
22.	Abi al-Khayr
23.	'Abd al-'Aziz bin Sa'adah
24.	Abu Abd Allah bin Sa'adah
25.	Abu 'Ali al-Sadafi
26.	Al-Baji
27.	Abi Dhar 'Abd bin Ahmad al-Harawiyy
28.,	Abu Muhammad Abd Allah bin Hammuyah al-Hamawi & Abu Ishaq
29. &	Ibrahim bin Ahmad bin Ibrahim bin Ibrahim bin Dawud al-Balkhi al-
30	Mustamli & Abu al-Haitham Muhammad bin al-Makki Zura' al-Marwazi al-Kusymihani
31.	Al-Farabri
32.	Al-Bukhari

Jadual 9 memaparkan mata rantai lengkap yang tertera nama-nama perawi berkenaan. Namun pada dasarnya, Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah meriwayatkan salasilah *sanad* periwayatan kitab *Sahih al-Bukhari* secara bersambung sehingga sampai kepada Imam al-Bukhari adalah menerusi enam saluran rantaian *sanad* yang dimiliki oleh empat orang gurunya yang terkenal di Mekah. Para guru tersebut selain Syeikh Yasin al-Fadani adalah Muhammad Salih bin Idris al-Kelantani, Syeikh Daud Sulaiman al-Kelantani dan al-Sayyid 'Alawi ibn 'Abbas al-Maliki al-Makki. Beliau berkesempatan berguru secara langsung dengan keempat-empat tokoh ini serta melazimi pengajian mereka khasnya berkaitan dengan kitab *Sahih al-Bukhari* sewaktu melanjutkan pengajian ilmu-ilmu agama di Mekah selama lebih 14 tahun (Mohd. Zaidi, 2002).

11. Implikasi Periwayatan dan Pendokumentasian Salasilah *Sanad* Kitab *Turath* Hadis Tokoh

Komitmen dan dedikasi *al-musnid* seperti Ustaz Mohd. Zaidi Abdullah dalam mengimplementasikan periwayatan salasilah *sanad* kitab *turath* hadis menerusi Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah dan seterusnya mendokumentasikannya dalam karya *Subul al-Sa'adah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq 'Abdullah bin al-Marhum al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Kalantani* telah menzahirkan tiga implikasi utama. Implikasi pertama adalah *baqa' al-silsilah* iaitu kelangsungan tradisi *riwayah* untuk pengekalan persambungan rantaian *sanad* sumber kedua syariat; hadis (al-Fadani, 1986: 3). Analisis mendapati kebanyakan ulama memberi respon positif terhadap implikasi ini. Ibn al-Salah (2003: 41) misalnya berpendapat bahawa *baqa' al-silsilah* (pengekalan salasilah *sanad*) ini merupakan

keistimewaan eksklusif umat Islam. Al-Fullani (1984:15) pula merumuskan penemuan salasilah periwayatan *sanad* yang masih dapat dipersambungkan antara generasi demi generasi selama 14 kurun seperti ini merupakan sesuatu perkara yang menakjubkan. al-Hafiz al-Makki turut menyimpulkan bahawa *sanad* dan salasilahnya tidak dapat dinafikan antara anugerah terbaik yang dikurniakan Allah swt yang masih konsisten diriwayatkan oleh para ulama kepada para murid pada setiap zaman (al-Barni, 1988: 8).

Implikasi kedua iaitu refleksi implementasi slogan *al-asanid ansab al-kutub* iaitu *sanad* merupakan keturunan kitab-kitab (Ibn Hajar al-'Asqalani, 1986: 7). *Sanad* yang mewariskan keturunan atau keaslian kitab-kitab *turath* ini mendapat keprihatinan yang baik dalam kalangan ulama khususnya para penyusun karya syarah mahu pun karya ringkasan kepada kitab *turath* hadis seperti *al-kutub al-sittah*. Kebanyakan daripada mereka dikenal pasti komited dalam mendeklarasikan salasilah *sanad* yang bersambungan sehingga sampai kepada pengarang dalam mukadimah karya masing-masing. Contohnya Ibn Hajar al-'Asqalani (2003:3), al-Nawawi (2003:14-17), al-^cAyni (2001: 22-24), al-Mubarakfuri (2001:3-7) dan al-Zabidi (2007: 20-21).

Implikasi ketiga, kelestarian sistem pengajian ilmu wahyu berteraskan *al-Isnad min al-din* iaitu *sanad* adalah bahagian daripada agama. ^cAbd al-Fattah Abu Ghuddah (1992:11) mendapati aplikasi *sanad* dalam sistem pengajian ilmu Islam merupakan satu tradisi yang telah sebatu serta menjadi adat kebiasaan yang tidak mungkin terkubur. Ini adalah kerana fenomena pengajian *bersanad* merupakan wasilah tunggal untuk menghubungkan pertautan *sanad* di antara penuntut ilmu dengan Rasulullah SAW khususnya dan dengan para ulama pewaris baginda umumnya.

Analisis merumuskan ketiga-tiga implikasi ini sebagai dasar yang membentuk kerangka konsep dan pandangan alam terhadap pengajian ilmu wahyu yang masih dipegangi dalam kalangan ilmuwan Islam zaman berzaman sehingga kini. Malah Mekah dan juga Madinah merupakan dua lokasi asal yang membentuk landskap penurunan, penyebaran, periwayatan dan pewarisan ilmu Rasulullah SAW. Oleh sebab itu, bukan sesuatu yang ganjil apabila ilmuwan kedua-dua tempat ini masih konsisten bertanggungjawab memelihara sistem ini agar tidak terjejas dengan peredaran zaman. Di sisi lain, ketulenan dan kompetensi ilmu agama adalah tidak mustahil dapat dicapai oleh generasi mutakhir jika mereka berpeluang menimba ilmu dalam sistem yang masih menggunakan dasar-dasar klasikal ini. Ianya sebagaimana yang telah terbukti secara langsung menerusi keperibadian dan ketokohan agamawan yang dibincangkan dalam makalah ini iaitu Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah.

12. Kesimpulan

Analisis kajian menyimpulkan bahawa ilmu wahyu menurut tradisinya adalah diambil dengan perantara. Ianya seperti Rasulullah SAW menerima wahyu daripada Allah SWT menerusi perantaraan gurunya

(Jibril) dan berkesinambungan seterusnya antara generasi demi generasi. Dengan erti kata lain, tradisi pengambilan ilmu Islam ini adalah tidak dapat disisihkan daripada memerlukan sesuatu perantara antara satu sumber dengan satu sumber yang lain termasuk sumber ilmu syariat kedua iaitu hadis. Implementasi tradisi ini diwakili impaknya menerusi mata rantai salasilah *sanad* yang bersilih ganti diriwayatkan kurun demi kurun oleh para ulama kepada anak murid mereka bersandarkan perantaraan kitab-kitab *turath*. Selain itu, pendetailan salasilah *sanad* menerusi makalah ini juga signifikan untuk mengukuhkan lagi kewibawaan tokoh selaku 'tuan guru' dalam bidang ilmu pengajian Islam tradisional di Nusantara berteraskan perspektif persambungan *sanad* kepada kitab *turath* hadis.

RUJUKAN

- Abu Dawud, Sulayman bin al-Ash'ath. 1995. *Sunan Abu Dawud*. Damaskus: Dar Fikr.
- Abd al-Fattah Abu Ghuddah. (1992). *Al-Isnad min al-din*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Anon. (2009). *Mudir Pondok Lubok Tapah hingga Mac 2009* atas talian <https://epondok.wordpress.com/category/pondok-lubok-tapah/> (18 Mac 2009)
- Al-Asl, Muhammad bin Jabir al-Wadi Ashi. (1982). *Barnamaj al-Wadi Ashi*, Tahqiq: Muhammad Mahfuz. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiyy.
- al-Ayni, Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud bin Ahmad. 2001. *Umdat al-qari sharh Sahih al-Bukhari*. Tahqiq: Abd Allah Mahmud Muhammad Amar. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Azhari, Usamat al-Sayyid Mahmud. (2008). *Mu'jam al-shuyukh*. Negeri Sembilan: Sofa Production.
- Al-Barni, Ashiq al-Ilahi. (1988). *Al-Anaqid al-ghaliyyah min al-asanid al-aliyyah*. Deoband: Maktabah Deoband.
- Al-Fadani, Muhammad Yasin bin Isa. (2008). *Al-Arba'un hadithan min arba'in kitaban an arba'in shaykhan*. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Al-Fadani, Muhammad Yasin bin Muhammad Isa. (1986). *Waraqat fi Majmu'ah al-Musalsalat wa al-Awa'il wa al-Asanid al-'Aliyyah*. Damshiq: Dar al-Basa'ir.
- Farhah Zaidar Mohamed Ramli. (2014). Faktor-Faktor Dorongan Aplikasi *Talaqqi Bersanad* (TB) dan Keperluannya dalam Pengajian Hadis di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Jabatan al-Quran dan al-Sunnah. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Fullani, Imam Salih bin Muhammad. (1984). *Qatf al-thamar fi raf' asanid al-musannafat fi al-funun wa al-athar*. Tahqiq: Amir Hasan Sabri. Jeddah: Dar al-Shuruq.
- Al-Ghawri, Sayyid Abd al-Majid. (2007). *Mu'jam al-mustalahat al-hadithiyyah*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Ibn al-Salah, Abu Amr Uthman bin Abd al-Rahman al-Shaharzuri. (2003). *Siyanaḥ Sahih Muslim min al-ikhḻal wa al-ghalat wa himayatuh min al-isqat wa al-saqat*. Tahqiq: Farid Abd al-Aziz al-Jundi. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Ibn Hajar al-[°]Asqalani, Ahmad bin [°]Ali. (1986). *Fath al-bari sharh Sahih al-Bukhari*. Tahqiq: Muhammad Fu'ad [°]Abd al-Baqi et. al. Jil. 1. Kaherah: Dar al-Rayyan li al-Turath.
- Ibn Hajar al-[°]Asqalani, Ahmad bin [°]Ali. (2003). *Hady al-sari muqaddimah fath al-bari sharh Sahih al-Bukhari*. Tahqiq; [°]Abd al-[°]Aziz bin [°]Abd Allah bin Baz & Muhammad Fu'ad [°]Abd al-Baqi. Beirut: Dar al-Kutub al-[°]Ilmiyyah.
- Al-Kattani, [°]Abd al-Hayy bin [°]Abd al-Kabir. (1982). *Fahras al-faharis wa al-athbat wa mu[°]jam al-ma[°]ajim wa al-mashyakhat wa al-musalsalat*. Tahqiq: Ihsan [°]Abbas. Jil. 1 & 3. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiyy.
- Al-Mar[°]asyli, Yusuf [°]Abd al-Rahman. (2002). *Mu[°]jam al-ma[°]ajim wa al-mashyakhat wa al-faharis wa al-baramij wa al-athbat*. 4 Jil. Riyadh: Maktabat al-Rushd.
- Mohamed Suhaimi Mostapar. (2008). *Metode Pengajian Fiqh di Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas, Kelantan*. Disertasi Sarjana. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd. Khafidz bin Soroni & Mohd. Norzi bin Nasir. (2011). Ketokohan Syeikh Muhammad Yasin Al-Fadani dan sumbangannya dalam disiplin periwayatan sanad. *Jurnal HADIS*, Julai (1): 45.
- Mohd. Khafidz Soroni, et. al. (2016). Keprihatinan Ulama Nusantara Dalam Mendokumentasikan Sanad Ilmu-Ilmu Pengajian Islam. Dlm. Ayu Nor Azilah Mohammad et.al (pnyt.). *Tokoh-Tokoh Ulama Melayu Nusantara*, hlm. 425-455. Bangi: Pusat Pengajian Teras KUIS.
- Mohd. Zaidi bin Abdullah. (2002). *Subul al-Sa'adah bi Asanid al-Shaykh al-Muhaqqiq 'Abdullah bin al-Marhum al-Shaykh 'Abd al-Rahman al-Kalantani*. Kuala Lumpur: Syatariyah Niagajaya Sdn. Bhd.
- Mahmud Sa'id Muhammad Mamduh. (2009). *al-Ittijahat al-hadithiyyah fi al-qarn al-rabi[°] ashah*, Kaherah: Dar al-Basa'ir.
- Al-Mubarakfuri, Muhammad [°]Abd al-Rahman ibn [°]Abd al-Rahim. (2001). *Tuhfat al-ahwadhi bi sharh Jami[°] al-Tirmidhi*. Jil. 7. Beirut: Dar al-Kutub al-[°]Ilmiyyah
- Muhyiddin Abdullah et. al. (2011). Pemikiran Fiqh Tuan Guru Haji Abdullah Lubok Tapah. Dlm. Azmul Fahimi Kamaruzaman et. al. (pnyt.). *Prosiding Nadwah ulama Nusantaran (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Al-Nadwi, Muhammad Akram. (2001). *Bughyat al-mutabi[°] li asanid al-[°]allamah al-sharif Muhammad al-Rabi[°]*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. (2003). *Sahih Muslim bi sharh al-Nawawi*. Tahqiq: Muhammad Fuad [°]Abd al-Baqi. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-[°]Ilmiyyah
- Raja Nur Afida binti Raja Idris. (2009). Tuan Guru Haji Abdullah bin Haji Abdul Rahman (1933-2008). *Pengasuh* April/Mei/Jun:44-51.
- Al-Zabidi, Zayn al-Din Ahmad bin Ahmad bin [°]Abd al-Latif. (2007). *Mukhtasar Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma[°]rifah.

